

PEMBANGUNAN KEROHANIAN **dan** *Refleksi Budaya Masyarakat Melayu*



Roslan Ali • Nosiah Fauzan



PEMBANGUNAN
KEROHANIAN dan
Refleksi Budaya Masyarakat Melayu

PEMBANGUNAN KEROHANIAN dan *Refleksi Budaya Masyarakat Melayu*

Roslan Ali
Norsiah Fauzan

Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan
2007

PEMBANGUNAN KEROHANIAN dan *Refleksi Budaya Masyarakat Melayu*

Roslan Ali
Norsiah Fauzan

Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan
2007

Cetakan Pertama 2007
© Roslan Ali, Norsiah Fauzan

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Diterbitkan di Malaysia oleh
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan,
Sarawak, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh
THE SARAWAK PRESS SDN. BHD.
Lot 231, Jalan Nipah, Off Jalan Abell,
93100 Kuching, Sarawak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Roslan Ali

Pembangunan kerohanian dan refleksi budaya masyarakat Melayu / Roslan Ali,
Norsiah Fauzan.

Bibliografi: ms. 124

ISBN: 978-983-9257-61-7

1. Sufism. 2. Islam–Doctrines. 3. Religious life–Islam. I. Norsiah Fauzan.

II. Judul.

297.4

KANDUNGAN

Bab 1	Hakikat Tasauf dalam Islam	1
Bab 2	Sekularisme dan Kesannya	23
Bab 3	Pendidikan Kerohanian: Integrasi Aqal, Hati, Ilmu dan Amal	28
Bab 4	Sabar Tonggak Kejayaan Hidup	39
Bab 5	Hasad dan Riak Perosak Ibadah	52
Bab 6	Penggunaan Mikrofon di Masjid	66
Bab 7	Nyahkan Budaya Kufar	72
Bab 8	Hukum Membaca al-Quran Untuk Si Mati	81
Bab 9	Bacaan al-Quran Bagi Orang Mati	89
Bab 10	Di Sebalik Maulidur Rasul	103
Bab 11	Nisfu Syaaban	111
Bab 12	Islam dan Kepercayaan Ketika Wanita Mengandung	120
	Rujukan	124

DEDIKASI

Kepada para pemimpin negara-negara Islam terdiri dari Raja-raja dan Presiden-presiden. Kepada generasi muda Muslim dan masyarakatnya yang terdiri dari kaum lelaki dan kaum wanita, dipersembahkan kalimat dakwah dan doa.

Semoga Allah menyempurnakan harapan dan cita-cita mereka,

Untuk mengembalikan umat Islam kepada keadaannya di zaman lampau iaitu ke arah perpaduan, keagungan, kekuatan dan kemakmuran dan mengembalikan umat Islam kepada asas iaitu Al-Quran dan Sunah Rasulullah.

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Segala puja dan puji untuk Allah Azzawajalla, selawat dan salam ke atas junjungan-Nya yang agung, Nabi Muhammad SAW yang diutus membawa risalah Islam ke seluruh alam. Juga keselamatan ke atas seluruh keluarga dan sahabatnya.

Alhamdulillah untuk ke sekian kalinya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih khususnya kepada rakan saya Dr. Norsiah Fauzan atas kesudian beliau untuk turut serta dalam penulisan buku yang diberi tajuk: **Pembangunan Kerohanian dan Refleksiti Budaya Masyarakat Melayu** ini yang saya kira harus dibaca dan dihayati oleh masyarakat Melayu itu sendiri.

Buku ini walaupun tampak nipis namun manfaatnya begitu besar sekali bagi orang-orang yang mahu berfikir. Buku ini akan mengupas permasalahan mengenai apa itu tasauf, hakikat dan ajarannya serta kesan terhadap pengamalannya. Ramai di kalangan orang-orang Melayu terutamanya yang mempunyai pendidikan kuat dalam ilmu fekah kurang gemar bila berbicara mengenai ilmu tasauf. Bagi mereka, ilmu tasauf itu boleh membawa kekufuran, kekeliruan dan perpecahan umat Islam itu sendiri.

Kita perlu faham apa yang dimaksudkan dengan ilmu tasauf yang sudah bermula sejak di zaman Nabi Muhammad SAW dan Khalifa' Ar-Rasyidin lagi iaitu ilmu tasauf tulen yang mengajar manusia supaya berakhlak baik sesama manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Tasauf ini dinamakan sebagai 'Tasauf akhlak'. Apa yang kita lihat mengenai bermacam-macam ajaran dan unsur-unsur majik yang tedapat di dalam ilmu tasauf itu bukanlah bawaan atau ajaran dari Nabi Muhammad SAW Tasauf seperti itu telah melalui zaman pertembungan budaya dengan agama-agama lain seperti Buddha, Hindu dan Kristian.

Buku ini juga menerangkan bagaimana sesuatu amalan itu boleh rosak bila wujud sifat hasad dan riya di dalam niat ketika beribadat. Selain itu juga, apa yang menjadi tradisi dan adat kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu Islam kita yang bersalahan dengan al-Quran dan As-Sunah yang boleh mencampakkan kita ke dalam perkara-perkara bidaah yang dibenci oleh Islam.

Adalah diharapkan buku ini dapat memberi sedikit pedoman dan pengajaran ke arah penyempurnaan iman dan amal. Perbincangan ringkas yang dikemukakan mudah-mudahan dapat dijadikan santapan ilmiah oleh pemimpin, ibubapa, pelajar, anak-anak di mana jua kalian berada.

Akhir sekali penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penerbitan buku kecil ini dan menghargai teguran membina dari pembaca sekalian. Marilah sama-sama kita berdoa, menadah tangan agar kita diberi kebaikan di dunia dan juga di akhirat. Ingatlah, Islam itu cantik dan seharusnya ia dihidangkan di mata dunia dalam keadaan yang cantik dan indah juga. Amiin.

Wassalam.

Ustaz. Hj. Roslan Ali

Dr. Norsiah Fauzan

PENGENALAN

Akhlak atau sifat-sifat terpuji yang sering diperlihatkan dalam amalan tasawuf juga mempunyai akar umbi pada zaman Nabi Muhammad SAW dan khulafa Ar-Rasyidin di mana sebahagian dari para sahabat baginda SAW terlalu mementingkan hal-hal kerohanian. Mereka mengaitkan ketiga-tiga ilmu terpenting di dalam Islam iaitu aqidah, syariat dan akhlak ke dalam tiga aspek kehidupan manusia iaitu kepercayaan, ilmu dan amal. Ketiga-tiga unsur ini pula mencerminkan peranan ruh, akal dan jasad. Cantuman ketiga-tiga aspek ini secara bersepadu telah melahirkan tamadun Islam pada zaman kegemilangannya.

Adalah sesuatu yang normal bagi orang-orang Islam untuk menginginkan kegemilangan masa lalu mereka, Empayar mereka dan dominasi mereka ke atas seluruh dunia. Adalah diharapkan dalam dunia moden ini orang-orang Islam memiliki misi yang penting. Mereka harus kembali kepada asas menurut al-Quran dan As-Sunah sebagai pembinaan tamadun Islam. Mereka juga mesti mengembalikan nilai-nilai kerohanian kepada dunia yang begitu cepat tidak bertuhan dan terlalu amat materialistik, begitu angkuh dan berhasad-dengki sesama sendiri. Akibatnya kita telah mundur terkebelakang dari pelbagai aspek.

Selaras dengan itu, konsep hidup sebagai pengabdian kepada Allah dan konsep kerja sebagai ibadah, manusia sebagai khalifah dan kewajiban mencapai kekuatan dalam semua bidang kehidupan akan diberi penekanan utama. Dan oleh kerana bangsa manusia menjadi semakin bongkak, angkuh, riya dan hasad maka agama dan nilai-nilai kerohanian lebih diperlukan lagi. Islam boleh menawarkan nilai-nilai kerohanian ini.

Adalah lebih baik kiranya umat Islam dapat menghadapi abad 21 ini dengan mata yang terbuka dan dengan wawasan yang jelas tentang apa yang mereka hendak lakukan dan peranan yang ingin mereka mainkan sekiranya benar mereka ingin mengembalikan semula zaman kegemilangan lampau pada abad ini. Sekiranya mereka memilih untuk memainkan peranan membina di samping mempertahankan kepercayaan, nilai-nilai kerohanian dan persaudaraan sebenar, mereka akan boleh menyumbang secara positif kepada pembangunan manusia, menyeimbangkannya dan mencegah mereka

dari menuju ke arah kemusnahan diri sendiri. Ambillah dan jadikanlah al-Quran dan Sunah Rasul sebagai panduan. Jauhilah perkara-perkara haram dan bid'ah dalam agama kerana ia umpama racun perosak. Orang-orang Islam boleh menjadi pendesak kepada kebaikan sejagat dalam abad 21. keterlaluan, mungkin, tapi tidak mustahil. Semuanya terletak kepada orang-orang Islam untuk membuat keputusan sambil menyedari bahawa Allah tidak akan mengubah nasib mereka melainkan mereka berusaha untuk berubah.

BAB 1

HAKIKAT TASAUF DALAM ISLAM

Roslan Ali

Dalam Islam secara umumnya ilmu pengetahuan yang terpenting dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu akidah, syariah, dan tasauf. Dalam pengamalannya pula, setiap insan Muslim mestilah melaksanakan ketiga-tiga ilmu ini secara serentak, sama ada dari segi teori ataupun praktikal, atau dari segi ilmiah dan amaliahnya. Tiga ilmu ini merupakan tiga serangkai yang tidak dapat dipisah-pisahkan. Kalau dipisah-pisahkan, maka rosaklah yang lainnya itu.

Ertinya, amalan Islam itu menjadi sah apabila ketiga-tiga ilmu tersebut dilaksanakan sekali gus atau secara serentak. Ilmu berkenaan tidak dapat diamalkan secara satu-satu sahaja tanpa yang lainnya. 'Berfiqah' sahaja atau 'bertauhid' sahaja atau 'berakhlak' sahaja tentu akan merosakkan keislaman seseorang. Jadi, tiga serangkai ilmu tadi tidak dapat dipisahkan dalam seluruh tindakan hidup insan Muslim. Ketiga-tiganya harus menjadi satu dalam tubuh dan jiwa setiap insan Muslim kerana ilmu itu dapat membawa si pengamalannya kepada kesempurnaan Islam dan kemanisan iman yang akhirnya memungkinkannya memperoleh sebutan "insan Kamil" atau manusia yang sempurna lahiriah dan batiniahnya. Andainya dipisah-pisahkan dalam pengamalan seharian, paling tidak seseorang itu akan menjadi fasiq, bahkan berkemungkinan boleh jatuh kepada kafir tanpa disedarinya. Kalau hendak diumpamakan sebagai sebuah bangunan, ilmu tauhid atau usuluddin ialah asas atau tonggakunya, manakala ilmu fiqah ialah bangunannya. Ilmu akhlak ialah penyeri atau catnya. Kalau seseorang ahli agama mempunyai ilmu tauhid dan fiqah yang tinggi dan hebat, tetapi dia seorang pendusta, sombong, meninggi diri, kedekut, dan sebagainya, maka ajarannya tentunya tidak dapat diikuti oleh orang ramai; sebaliknya dia akan dikutuk kerana akhlaknya yang rosak.

Oleh sebab itu, ketiga-tiga ilmu tersebut saling memerlukan, bermula dengan ilmu tauhid atau aqidah sebagai induk atau asasnya. Kemudian barulah diikuti ilmu fiqah dan ilmu akhlak sebagai furuk atau cabangnya. Oleh yang demikian, ilmu tauhidlah yang lebih penting dan utama dalam Islam kerana ilmu itu mengesahkan syariah dan akhlak. Syariat dan akhlak tidak bernilai di sisi Allah SWT kalau akidah dan tauhid seseorang telah rosak sebagaimana rumah tidak dapat didirikan kalau tidak ada tanah. Dalam hal ini, Rasulullah bersabda, yang maksudnya kira-kira *“seawal-awal agama itu ialah mengenal Allah.”*

Apakah yang dimaksudkan dengan ilmu tauhid, fiqah dan tasawuf itu?

- i. Tauhid membincangkan soal-soal yang berkaitan dengan aqidah atau kepercayaan, iaitu keimanan kepada Allah, Malaikat, Rasul-rasul, kitab-kitab suci, qadak dan qadar serta hari kiamat.
- ii. Fiqah membincangkan hal taharah (kebersihan menurut ketentuan-ketentuan agama Islam), sembahyang, puasa, zakat, haji, perkara-perkara rukun dalam ibadat serta syarat-syarat sahnya, dan lain-lain lagi.
- iii. Tasawuf berkaitan dengan pengetahuan yang membatalkan pahala amal ibadat. Ilmu tasawuf membincangkan perihal kesucian hati dan kebersihan jiwa seperti taubat, mujahadah, taqwa, warak, khusyuk dan tawaduk. Juga, sikap qanaah, tawakal, syukur, yakin, sabar, reda, istiqamah, ikhlas, zuhud, sunyi daripada segala macam penyakit hati seperti dengki, tamak, riak, sam'ah, ujub, takbur, dan sebagainya.

Itulah ketiga-tiga jenis ilmu yang terpenting dalam agama Islam yang mengajar kita mengesakan Allah. Kemudian, cara kita menyembah-Nya dan juga mengajar kita cara berakhlak yang baik kerana dengan akhlak yang baik itulah kita dapat mengajak manusia kepada Islam. Hal ini dibuktikan oleh sejarah apabila dalam zaman Rasulullah SAW ramai yang masuk Islam kerana terpesona dengan akhlak yang dipamerkan oleh Rasulullah SAW dalam tindak-tanduknya.

Itulah sebabnya ketiga-tiga ilmu itu amat penting dan tidak boleh dipisah-pisahkan. Jika dipisah-pisahkan akan pincanglah keislaman seseorang

itu kerana 'berfiqah' sahaja, iaitu mengetahui segala syarak, rukun dan segala yang membatalkan. Tidak cukup kalau tidak mempelajari perkara-perkara yang membatalkan pahala amal ibadat itu. Jika kita sembahyang siang dan malam atau sembahyang sunat pada waktu malam, tetapi dengan niat untuk menunjuk-nunjuk atau riak di mata orang, sudah tentu amalan kita tadi menjadi sia-sia sahaja, tiada nilainya di sisi Allah. Itulah ajaran ilmu tasawuf dan tasawuf ini dinamakan "tasawuf akhlak."

Tokoh-tokoh Tasawuf Akhlak

Huzaifah, Hasan Al-Basri, Zin Nun Al-Misri, Rabi'atul Adawiyah, Suftyan Al-Thuri, Imam Al-Ghazali, Junaid Al-Baghdadi, Abu Talib Al-Makki dan banyak lagi.

Asal-usul Perkataan Sufi dan Tasawuf

Penyelidikan, para pakar dan sarjana Islam mengenai asal-usul dan etimologi perkataan "tasawuf" itu sampai sekarang pun masih belum selesai. Berbagai-bagai pendapat telah dikemukakan sehingga mencetuskan pertikaian yang hebat dalam kalangan ahli lughah atau pakar bahasa. Sesetengahnya mengatakan sumber pengambilannya adalah daripada ajaran Islam yang diambil daripada bahasa Arab.

Antaranya ialah perkataan itu mungkin berasal daripada "Ibnu Sauf" yang merupakan gelar kepada seorang anak Arab yang soleh, yang selalu mengasingkan dirinya dekat kaabah untuk beribadat. Ada juga yang berpendapat perkataan itu mungkin juga diambil dari perkataan 'safa' yang bererti bersih, suci, dan jernih.

Berkemungkinan juga diambil daripada perkataan 'suf' yang bererti bulu kambing. Orang yang memasuki tasawuf itu memakai baju daripada bulu binatang kerana benci kepada pakaian mewah, mahal, dan cantik. Malah, ada kemungkinan juga perkataan itu diambil daripada perkataan 'suffah,' iaitu satu ruang atau semacam serambi yang didirikan di masjid untuk menghimpunkan golongan yatim piatu dan fakir miskin.

Perkataan itu mungkin juga diambil daripada perkataan 'shaf' yang membawa maksud barisan. Yang lain berpendapat kemungkinan juga asalnya

daripada perkataan 'syufanah' yang merujuk kepada sejenis kayu yang mersik yang tumbuh di padang pasir tanah Arab.

Namun sesetengah pihak lain mengatakan perkataan tasauf mula dikenali sejak bermulanya zaman penterjemahan buku Yunani ke dalam bahasa Arab. Perkataan tasauf turut dipercayai berasal daripada perkataan "Theo-Sofie" yang bermaksud 'ilmu ketuhanan.' Perkataan itu kemudiannya diArabkan dan diucapkan dengan lidah orang Arab sehingga berubah menjadi tasauf.

Apa-apa pun pertikaian dan riwayatnya, mungkin kita boleh mengaitkan atau menyimpulkan perkataan tasauf dengan merujuk kepada anak Arab yang soleh, yang tinggal di satu ruang di masjid nabi. Golongan ini telah diajar oleh nabi SAW dengan ilmu rohani atau ilmu tasauf agar bertambah kebal kecintaan mereka kepada Allah SWT walaupun mereka hidup dalam kemiskinan dan serba kekurangan.

Namun, berkat didikan dan tarbiah Rasulullah ini, maka lahirlah golongan yang dikenali sebagai ahli sufi kerana kesucian hati dan kebencian mereka terhadap dunia yang penuh dengan tipu muslihat. Akhirnya, mereka lebih gemar memakai pakaian yang diperbuat daripada bulu binatang. Golongan ini lebih gemar memencilkan diri mereka di satu ruang masjid dengan berzikir dan membaca al-Quran. Oleh sebab dekatnya jarak mereka dengan masjid, tidak hairanlah golongan ini sentiasa dapat bersembahyang di saf pertama di belakang Rasulullah.

Pendapat yang Kuat

Kita telah tahu bahawa terdapat banyak andaian daripada pelbagai pihak sama ada daripada sarjana Islam ataupun sarjana Barat mengenai asal-usul kata tasauf itu. Tasauf seperti yang kita ketahui merupakan ilmu rohaniah, ilmu untuk mendidik jiwa dan memerangi syahwat. Manakala orang yang mengamalkannya dikenali sebagai orang sufi. Jadi, untuk mengetahui asal perkataan itu, ada baiknya kita menyemak nisbah atau sandaran perkataan tasauf itu sendiri.

Sekiranya perkataan itu diambil daripada perkataan 'shafw' (bersih), maka nisbahnya kita baca 'shafawi' bukannya sufi. Kalau kita katakan asalnya daripada 'suffah' (serambi masjid), maka nisbahnya ialah 'suffi,' iaitu tasydid,

bukannya sufi. Sekiranya daripada perkataan 'shufanah,' maka nisbahnya kita harus 'shufani,' bukannya sufi. Kalau kita kata 'shafa' (juga bersih), maka nisbahnya ialah 'shafaiee' dan bukannya sufi. Jadi, perkataan yang terakhir daripada bahasa Arab ialah shuf (bulu) dengan nisbahnya kita baca 'shufi.' Nisbah ini lebih kuat dan dekat daripada perkataan yang lain dalam bahasa Arab. Sekiranya perkataan 'sophia' daripada bahasa Yunani yang bererti bijaksana, maka nisbahnya kita baca 'sofhiaani.'

Tasawuf dan Pembahagiannya

Secara kasarnya tasawuf dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu tasawuf falsafah, tasawuf tarekat, dan tasawuf akhlak. Daripada ketiga-tiga jenis tasawuf ini, tasawuf akhlaklah yang benar dan merupakan inti segala ajaran Islam yang asal, melatih diri kita supaya mempunyai budi pekerti yang mulia. Inilah akhlak yang dikatakan tiga dalam satu atau tiga serangkai.

Adapun tasawuf tarekat menurut Dr. Harun Nasution, sarjana dari Indonesia, tidaklah boleh dianggap sesat selagi ajarannya tidak bertentangan atau menyeleweng daripada al-Quran dan sunah. Umpamanya, apabila ia menyuruh menderhakai Allah, menghalalkan riba, memakan makanan haram, mengurangkan rakaat solat atau memindahkan arah kiblat, dan sebagainya. Maka, tarikat itu belum boleh dihukum sebagai bidaah hanya kerana kaedahnya dicipta atau dikarang oleh ulama tertentu, asalkan tidak berlawanan dengan al-Quran dan sunah. Mungkin yang dipandang sebagai bidaah dan khurafat dalam kalangan ahli tasawuf ialah mereka yang mengambil 100% untuk akhirat sahaja, sambil membuang kepentingan duniawi secara keseluruhannya.

Di Malaysia amnya, terdapat ramai pengikut berbagai-bagai tarekat. Sebahagian amalan tarikat itu dianggap sesat atau menyeleweng oleh sebahagian ulama yang lainnya. Sebenarnya pada masa ini, berbagai-bagai tarekat sedang menjalani ikutan dan amalan umat Islam di seluruh dunia walaupun sebahagian orang berkata: "*Tidak ada tarekat di dalam Islam.*" Ada pula sebahagian ulamak yang berkata: "*Sebahagian tarekat itu pada mulanya adalah benar dan selaras dengan dasar tauhid. Tetapi kemudian sebahagian pengikutnya telah memesongkan amalan dan tujuannya dengan tertentu. Ada sesetengah amalan tarekat itu mengajar ilmu batin dan magis seperti tidak luka*

badan mereka jika ditetak dengan parang, amalan memijak kaca, dan sebagainya.”

Yang lebih memeranjatkan lagi daripada beberapa tarekat yang timbul itu adalah apabila terdapat pengasas dan penganjur tarikat berkenaan mengaku sebagai Imam Mahdi, seorang wali yang mengetahui perkara-perkara ghaib dan sebagai seorang yang luar biasa. Terdapat juga dalam tarekat tersebut amalan seperti zikir yang menggantikan wirid atau bacaan-bacaan lain selepas sembahyang. Fenomena ini adalah antara penyelewengan ajaran Islam sebenarnya.

Pemujaan terhadap kubur wali dan keramat dan perbuatan khurafat yang lain timbul daripada kepercayaan primitif yang mempercayai bahawa kuasa ghaib dan luar biasa terdapat pada satu-satu benda. Juga, daripada fahaman yang silap terhadap konsep wali dan keramat itu. Di samping itu, mereka telah secara di luar sedar, meninggalkan daya akal fikiran atau *rationality* kerana sebab-sebab tertentu, umpamanya terlalu percaya kepada orang agama.

Keramat ialah kemuliaan atau penghargaan daripada Allah. Istilah ini lebih popular dalam konsep tasawuf. Keramat ialah gelaran untuk wali yang kedudukannya dianggap istimewa di sisi Allah, khasnya mengikut ukuran tasawuf. Dalam ajaran Islam sukar untuk mengetahui siapa wali yang mempunyai keramat kerana keramat seseorang itu memang untuk dirinya sendiri dan hubungannya dengan Allah. Namun, ia sekali-kali tidak dapat menjamin pertolongan kepada orang lain, umpamanya untuk memberi kebal, murah rezeki, dan lain-lain. Implikasi daripada hakikat ini ialah orang ramai tidak perlu meminta tolong daripada orang yang dianggap wali dan mempunyai keramat.

Hal ini demikian kerana tidak ada konsep perantaraan - *mediumship* - dalam Islam yang diterima secara sah. Setiap permohonan atau doa hendaklah dilakukan sendiri kerana Allah mengetahui siapa yang meminta pertolongan walaupun permintaannya disampaikan oleh wali. Seseorang wali hanya mampu meminta doa daripada Allah. Tidak lebih daripada itu, dan penerimaan doa tidak dilihat kepada siapa yang memohon permintaan.

Justeru, umat Islam digalakkan meminta sendiri daripada Allah, umpamanya untuk memperoleh rezeki yang lebih murah, hati yang terang, dan sebagainya. Doa tidak perlu diminta melalui wali, keramat atau guru

yang warak dan alim besar. Seseorang yang menjanjikan sesuatu kepada orang lain, umpamanya kekebalan bukannya wali yang sebenarnya. Malah, kebolehannya itu jika ada, ialah hasil usahanya sendiri, umpamanya, ilmu sihir, bukan suatu keramat daripada Allah. Sesiapa yang mempercayai atau meyakini kebolehan luar biasa seseorang yang mendakwa dirinya wali Allah atau sebagainya adalah sesat.

Menurut keyakinan orang sufi, orang tidak akan sampai kepada hakikat tujuan sesuatu ibadat sebelum dia terlebih dahulu menempuh atau melaksanakan jalan ke arah itu. Jalan itu dinamakan tarikah atau tarekat, atau salik. Tujuan tarekat itu ialah mempertebal iman dalam hati pengikut-pengikutnya sehingga tiada yang lebih indah dan dicintainya selain Allah, dan kecintaan itu sampai melupakan dirinya dan dunia ini seluruhnya.

Dalam perjalanan kepada keikhlasan itu, manusia harus ikhlas, bersih segala amal dan niatnya, muqarrabah (merasa diri selalu diawasi Tuhan dalam segala gerak-gerinya), dan muhasabah (menghisab dirinya daripada terus membuat kesalahan, sedar dan kembali ke pangkal jalan). Dia juga perlu tajarud atau melepaskan segala ikatan yang akan merintanginya menuju jalan itu. Dengan membentuk peribadi yang demikian itu, jiwa akan dapat diisi dengan isyq, iaitu rindu yang tidak terbatas terhadap Tuhan sehingga kecintaan atau hubb kepada Tuhan itu melebihi dirinya dan segala alam yang ada di sekitarnya.

Oleh sebab itu, dalam sesuatu tarekat terdapat syeikh atau murshid, guru yang memberi pertunjuk mengenai riadah atau latihan dalam melakukan zikir atau wirid. Juga, dalam melakukan latihan lidah dan hati, dalam mengubati penyakit jiwa (amraadul qulub) dengan segala caranya melalui hidup mengembara sebagai fakir atau hidup menyendiri dalam khalwat.

Perkara ini dapat dicapai melalui latihan tertentu seperti berjaga malam, memperbanyak amal sunat, dan tawajuh (menetapkan ingatan hanya kepada Allah dan sebagainya). Syeikh atau murshid itu harus mempunyai silsilah, rangkaian pengambilan sesuatu tarekat itu. Contohnya, tarekat Ahmadiyah (Mesir), Naksyahbandiah (Turkistan), Qadariah (Baghdad), Idrisiah (Yaman), Kholidiah, Syazaliah, dan sebagainya.

Yang menjadi masalahnya sekarang ialah setelah mengalami proses pertukaran masa dan ditambah lagi dengan pertembungan falsafah dari luar, maka banyaklah berlakunya penambahan dalam ajaran tasawuf dan ragam para

pengikutnya. Bermula daripada asalnya hendak memerangi hawa nafsu dan syaitan, tetapi kadang-kadang ditempuh juga jalan yang tidak digariskan oleh agama. Kadang-kadang diharamkan ke atas diri mereka sesuatu yang dihalalkan oleh agama.

Contohnya, mereka makan makanan yang berwarna putih sahaja (memutih) seperti nasi, pisang, dan sebagainya. Manakala makanan halal yang lain ditolak oleh mereka. Bukankah itu namanya kufur nikmat? Allah sudah memberi kita berbagai-bagai nikmat, tetapi kita sendiri yang tidak mahu mensyukurinya. Malah, ada pihak yang tidak mahu keluar mencari rezeki, menyumpahi harta, membelakangi huru-hara dunia, sehingga ketika bala tentera Mongol masuk ke negara Islam, tidak terdapat lagi senjata tajam sebagai penangkis.

Ramai yang karam di dalam khalwatnya, di dalam zawiyahnya, dengan pakaian syufnya, tidak peduli apa-apa, dan tidak menangkis serangan musuh kerana merasa lazat di dalam kesunyian tasauif itu. Tasauif yang demikian, tidaklah berasal daripada ajaran Islam. Zuhud yang melemahkan itu bukanlah bawaan Islam. Semangat Islam ialah semangat berjuang, semangat berkorban, bekerja, dan bukan semangat malas.

Dengan berlakunya pertembungan ilmu tasauif Islam dengan tasauif-tasauif dari dunia luar telah menyebabkan ilmu tasauif Islam mengalami krisis yang di dalamnya terkandung unsur syirik, bidaah, dan khurafat. Pertembungan ini menyebabkan ilmu tasauif Islam menyimpang jauh daripada tujuan asalnya. Bermula untuk mengubat penyakit-penyakit hati telah bertukar menjadi perkara lain. Dalam suasana pergolakan ini, lahirlah sebuah kitab besar ke atas dunia Islam, iaitu *Ihya Ulum Ad-Din* (Menghidupkan Ilmu Agama) karangan imam Al-Ghazali bagi mengembalikan ilmu tasauif ke pangkal dengan tujuan asalnya untuk merawat penyakit hati atau tasauif akhlak.

Tokoh-tokoh Tasauif Tarikat

Ahmad, Naqsyabandi, Abdul Qadir Jailani, Idris, Khalid, Qusyasyi, Samman, Rifai'e, Tijani, Syazili.

Adapun 'tasawuf falsafah' diberitakan selepas Imam Ghazali meninggal dunia, tokoh-tokoh falsafah terus muncul, tetapi kini dalam bentuk baharu. Mereka berselindung di sebalik ilmu tasawuf atau menyarung jubah tasawuf supaya kelihatan seperti ulama tasawuf. Perbuatan ini dilakukan bagi mengelakkan daripada dikecam oleh golongan antifalsafah atau golongan sufianah itu sendiri. Tujuan mereka yang kedua adalah untuk mencemarkan imej tasawuf. Tokoh-tokoh tasawuf falsafah yang dimaksudkan termasuklah Ibnu al-Arabi yang mempelopori teori Wahdatul Wujud (Keesaan Wujud) dan Abdul Karim al-Jali yang memperkenalkan Doktrin al-Hulul dan Ittihad (manusia dan Tuhan meresap dalam satu tubuh).

Apabila fahaman aliran tasawuf falsafah atau tasawuf dibahaskan melalui falsafah ini timbul, terjadilah semacam kekosongan jiwa dan rohani di dalamnya. Keadaan ini memberi kesempatan kepada sufiah untuk mengisinya. Kebangkitan golongan sufiah di peringkat ini lebih menekankan soal kerohanian dan upacara beribadat yang dijelmakan menerusi tarekat yang tidak pernah berlaku sebelumnya.

Sikap dan pendirian mereka tidak serupa dengan sikap dan pendirian golongan sufiah asal yang dipelopori oleh para sahabat yang lebih menekankan unsur-unsur akhlak yang cuba diperjuangkan semula oleh imam al-Ghazali. Pada tahun 704H/1305M Ibnu Taimiyah menyertai pula ekspedisi menentang kaum syiah Rawafid di Kasrawan. Seterusnya beliau mengecam amalan bidaah seperti menziarahi kubur keramat dan mendewa-dewakan orang yang tertentu. Justeru, beliau ditentang oleh tokoh-tokoh tasawuf dari Mesir seperti Ibnu 'Ata'ullah dan Karim Ad-Din al-Amuli. Seterusnya beliau dipenjara beberapa kali di Kaherah dan Damshik akibat pertentangan itu. Sebagai akibat daripada penyeksaan yang diterima di penjara beliau pun meninggal dunia.

Dalam gerakan reformasinya, khususnya tentang akidah, peranannya bukan sekadar membersihkan unsur-unsur pemikiran Yunani seperti yang terdapat dalam ilmu kalam (teologi), malah yang tidak kurang pentingnya ialah membanteras unsur syirik dan bidaah hasil kegiatan pendukung tasawuf falsafah dan tasawuf tarekat. Misalnya, Ibnu Taimiyah mengecam hebat golongan Wujudiyah yang mengemukakan teori bahawa Tuhan dan alam termasuk manusia adalah satu.

Dengan kata lain, manusia ialah bayangan Tuhan, atau manusia dan Tuhan hakikatnya satu dan tidak terpisah. Ibarat gambar dalam cermin atau pokok dalam biji benih. Teori ini dicipta oleh Ibnu Arabi. Pengikut-pengikutnya ramai yang terdapat di Mesir dan Syria pada ketika itu. Konsep Wujudiah atau Wahdatul Wujud mengikut Ibnu Taimiyah adalah bercanggah dengan konsep tauhid dalam agama Islam.

Beliau juga menentang tasawuf tarekat yang memasukkan unsur-unsur bidaah seperti amalan pemujaan terhadap para wali dan keramat, serta menziarahi dan membayar niat di kubur keramat yang dianggap sebagai bidaah yang bertentangan dengan konsep tauhid. Beliau juga menentang tarekat yang terlalu mengagungkan martabat guru atau syekh tarikat masing-masing hingga. Misalnya, nama guru harus disebut dalam doa mereka dan wajah syekh harus dibayangkan ketika berzikir dan ketika beribadat atau pertolongannya diminta ketika dalam bahaya, dan sebagainya. Sebab, baginya amalan tersebut tiada bezanya dengan menyembah berhala atau menyekutukan Allah dengan guru mereka.

Namun demikian, beliau menyanjungi tasawuf akhlak dan menyanjungi tokohnya seperti Imam Ghazali, Junaid al-Baghdadi dan Zun Nun Al-Misri. Walaupun usaha reformasi Ibn Taimiyah telah disambung balik oleh anak muridnya, Ibnu Qaiyim, dan kemudiannya Muhammad bin Abdul Wahab pada abad ke-18, tetapi usaha-usaha ini tidak memberikan kesan yang besar. Hal ini demikian kerana dunia Islam dalam tempoh itu boleh dikatakan dikuasai oleh ulama konservatif yang mengamalkan tasawuf tarekat yang mempengaruhi orang ramai yang biasa dipanggil *popular sufism*.

Tokoh-tokoh Tasawuf Falsafah

Ibnu Arabi, Abu Yazidal-Bistami, Al-Muhasibi, Sahal Al-Tustari, Junaid Al-Baghdadi, Suhrawardi, Al-Hallaj, Abu Talib Al-Makki dan Al-Qusyairi.

Di sini saya akan menceritakan salah seorang sahaja daripada mereka yang tersebut di atas, iaitu mengenai al-Hallaj yang boleh dikatakan menjadi puncak perkembangan kaum sufi dan tasawuf pada zaman itu. Kehidupan, pengembaraan, dan pandangan hidupnya serta kefahaman ilmu tasawufnya, kesemuanya telah menggegarkan dunia fiqhi. Beratus-ratus ulama fiqah telah

menentanginya. Boleh dikatakan riwayat al-Hallaj ialah riwayat perjuangan yang hebat antara ulama fiqah dengan ulama tasawuf, atau boleh dikatakan juga pertentangan antara ulama ahli zahir dengan ulama ahli batin.

Inti sari ajarannya kadang-kadang berupa syair dan kadang-kadang berupa prosa dalam susunan kata-kata yang penuh simbolik dikelilingi tiga perkara:

- i. Ittihad dan Hulul, iaitu ketuhanan (Lahut) menjelma ke dalam diri insan (Nasut).
- ii. Al-haqiqatul Muhammad, iaitu Nur Muhammad sebagai asal-usul segala kejadian dan ilmu pengetahuan, dan dengan perantaraannya seluruh alam ini.
- iii. Kesatuan segala agama.

Menurut ajaran beliau, apabila kebatinan seorang manusia telah suci bersih dalam menempuh perjalanan hidup kebatinan, maka akan naiklah tingkat hidupnya itu dari suatu maqam ke maqam yang lain, misalnya muslim, mukmin, solihin, dan muqarrabin. Muqarrabin ialah orang yang paling dekat dengan Tuhan. Di atas tingkat Muqarrabin itu tibalah mereka di puncak sehingga bersatu dengan Tuhan. Tidak dapat lagi dibezakan atau dipisahkan antara asyik dengan maksyuknya. Apabila ketuhanan telah menjelma di badan dirinya, maka tidaklah lagi kehendaknya yang berlaku, melainkan kehendak Allah. "Roh Allah" telah meliputi dirinya sebagaimana yang telah meliputi diri Isa a.s.

Maka apa-apa yang dikehendakinya akan terjadi. Antara perkataan yang diucapkan oleh al-Hallaj berbunyi "*Dan tidak ada di dalam jubahku melainkan Allah.*" Juga dikatakan "*Telah bercampur roh-Mu dengan rohku laksana bercampurnya khamar (arak) dengan air yang jernih.*" Kemudian diumpamakan Tuhan dengan hamba itu laksana matahari dan cahayanya tidak dapat dipisahkan. Matahari ialah zat, manakala cahaya ialah sifat. Cahaya itu bukannya matahari, tetapi juga bukan lain daripada matahari. Jadi, matahari itu tetap matahari dan cahaya itu tetap cahaya, tetapi pada pengetahuan kita, cahaya itu bukan lain daripada matahari sehingga timbulnya kesatuan antara asyik dan maksyuk sehingga aku ialah Dia, dan Dia ialah aku.

Cuba kita renungkan api dan asap. Kalau ada asap, maka di situlah adanya api. Akan tetapi, api tetap api dan asap tetap asap. Jadi rumusan asap

itu tidak lain daripada api. Namun, teori ini tidak dapat diterima kerana kalau manusia itu dapat menjadi Tuhan, mengapa tidak binatang. Binatang juga ditiup roh oleh Tuhan dan dikatakan dalam kitab tasawuf kuno bahawa hayat binatang itu bergantung pada amalan zikir. Mereka tidak seperti manusia yang sedia ada sudah ditulis di lauh mahfuz.

Andainya demikian mengapa binatang tidak dapat menjadi Tuhan? Mengapa manusia melakukan kejahatan walaupun dia warak, alim, dan ahli zikir? Seperti Barsisa kerana terpedaya oleh hasutan iblis, dia akhirnya telah minum arak hingga mabuk, kemudian merogol gadis sunti yang dijumpainya di jalan. Selepas itu gadis itu dibunuhnya kerana malu rahsianya akan diketahui orang. Jadi, mengapa orang yang sudah sampai ke peringkat hakikat dan makrifat itu dapat melakukan perkara keji seperti binatang dan mengabaikan hukum agama? Di manakah perginya akhlak yang dipelajarinya dalam tasawuf? Sekiranya manusia dapat menjadi Tuhan, adakah semua nabi itu juga Tuhan, dan kepercayaan terhadap nabi sebagaimana yang terdapat dalam rukun iman harus dimansuhkan?

Tentang Nur Muhammad

Beliaulah yang mula-mula sekali mengatakan bahawa kejadian alam ini pada mulanya adalah daripada hakikatul Muhammadiyah atau Nur Muhammad. Nur Muhammad itulah asal segala kejadian, hampir samalah perjalanan persamaannya itu dengan renungan ahli falsafah yang mengatakan bahawa mula terjadi ialah 'akal pertama.' Menurutnya lagi, Nabi Muhammad itu terjadi dalam dua rupa. Rupa yang qadim dan azali. Rupa yang pertama ialah dia terjadi sebelum terjadinya seluruh yang ada. Daripadanya disauk segala ilmu dan irfan 30. Rupa yang kedua ialah sebagai manusia biasa, iaitu sebagai rasul dan nabi yang diutus Tuhan. Rupa yang sebagai manusia itu menempuh maut. Tetapi rupanya yang qadim tetap kekal meliputi sekalian alam. Maka, daripada nur rupanya yang qadim itulah diambil segala nur buat menciptakan segala nabi, rasul, dan aulia.

Cahaya segala kenabian daripada nurnyalah nyata dan cahaya mereka daripada cahayanyalah yang diambil. Tidaklah ada suatu cahaya yang lebih nyata, yang lebih qadim daripada cahaya yang qadim itu, yang mendahului cahaya mulia beliau. Kehendaknya mendahului segala kehendak, wujudnya

mendahului segala yang tiada, dan namanya mendahului qalam pun sendiri, kerana dia telah terjadi sebelum terjadi apa-apa yang terjadi.

Segala yang diketahui hanyalah satu titis sahaja daripada lautan ilmunya. Di atasnya mega mengguruh, di bawahnya kilat memancar, menurunkan hujan, dan memberikan sumber. Segala ilmu ialah setitis daripada air lautan. Segala hikmat hanyalah satu piala daripada sungainya. Seluruh zaman hanyalah satu saat kecil daripada masanya yang jauh. Dalam kejadian dialah yang awal, dalam hal kenabian dialah yang akhir. Al-haq adalah dengan dia dan dengan dialah hakikat. Dia yang pertama dalam hubungan, dialah yang akhir dalam kenabian dan dialah yang batin dalam hakikat, dan dialah yang zahir dalam makrifat.

Pendek kata, Nur Muhammad itulah pusat kesatuan alam dan pusat kesatuan nubuwat segala nabi. Nabi-nabi itu, nubuwatnya ataupun dirinya hanyalah sebahagian cahaya nur Muhammad itu. Segala macam ilmu, hikmat, dan nubuwat ialah pancaran belaka daripada sinarnya.

Kesatuan Segala Agama

Agama itu ada pelbagai macam. Ada Islam, Nasrani, Yahudi, dan sebagainya. Perbezaannya cuma pada nama, namun hakikatnya hanyalah satu. Dengan kata lain, nama berbeza, tetapi maksudnya satu. Segala agama di dunia ini ialah agama Allah. Maksudnya, ia menuju kepada Allah. Orang memilih sesuatu agama atau lahir dalam satu agama bukanlah atas kehendaknya, tetapi dikehendaki untuknya. Cara ibadat boleh berbeza warnanya, namun isinya hanya satu. Pendirian ini disandar pada ketentuan (taqdir) yang telah ditentukan Allah. Tidak ada faedahnya seseorang mencela orang yang berlainan agama dengannya kerana itu adalah takdir. Tuhan buat orang begitu. Tidak ada perlunya berselisih dan bertelingkah, tetapi perdalamlah pegangan agama masing-masing.

Pendiriannya yang tiga macam itu tidaklah dapat diterima oleh ulama fiqah. Beliau telah melanggar batas agama serta ajaran yang dibawa oleh nabi-nabi dahulu sejak Adam a.s. hinggalah kepada Rasulullah SAW sendiri, iaitu "Mentauhidkan Allah." Al-Hallaj dikenakan hukum pancung pada zaman khalifah al-Muqtadir. Pada hari menjalankan keputusan hukuman itu, al-Hallaj diminta supaya dikeluarkan dari penjara ke tempat penyulaannya. Dia diikat, kemudian tampillah pula Abu Harst.